

Rancang strategi pastikan pelan tercapai

» **Syor IPT wujud inisiatif sendiri, tumpu pelaksanaan PPM (PT)**

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
fhatihah@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Institusi pengajian tinggi (IPT) perlu mewujudkan inisiatif tersendiri bagi memastikan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 (PPPM (PT)) dicapai.

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dr Omar Osman, berkata pelaksanaan secara holistik akan membolehkan negara menghasilkan modal insan berkualiti dan men-

jadi hab pendidikan setanding negara maju.

“Pihak IPT perlu mula merancang strategi selepas pelan ini dilancarkan supaya graduan yang dilahirkan boleh memberi input kepada negara,” katanya.

PPPM (PT) dijangka dilancarkan pada April ini.

Pensyarah Psikologi Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Rosna Awang Hashim, menyarankan pihak kementerian mewujudkan sinergi lengkap dalam pelaksanaan PPPM dan PPPM (PT) supaya kesinambungan di antara sekolah dan universiti dimantapkan dalam membentuk modal insan abad ke-21.

“Jaringan kerjasama kukuh perlu lebih rancak menerusi pelbagai perkongsian di antara kerajaan, industri, pakar akademik dan masyarakat madani bagi menyokong dan menggalakkan pelaksanaan pelan ini,” katanya.

Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Datuk Dr

Mortaza Mohamed, berkata pihak universiti perlu merancang strategi dan inisiatif lebih berkesan dalam menumpukan pelaksanaan PPPM (PT).

Universiti bersifat autonomi

“Dua daripada 10 lonjakan penting yang perlu diutamakan adalah melahirkan graduan berkebolehan dalam bidang keusahawanan dan mewujudkan universiti bersifat autonomi,” katanya.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Mohammad Syahme Baharuddin, mencadangkan setiap universiti wajib mewujudkan dewan persidangan khas untuk mahasiswa berhubung dan mengkritik dengan lebih matang.

“Selain itu, semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta perlu diselaraskan mengikut standard piawaian supaya tidak wujud berat sebelah bagi mana-mana pihak apabila graduan mendapat-

kan pekerjaan nanti,” katanya.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Hanif Ramlan, berkata kerajaan perlu menyediakan ruang kerjasama di antara pihak industri dan universiti dengan mewujudkan program jelajah mengkhususkan permintaan pasaran dan kriteria kerjaya yang diperlukan industri.

Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Ervy Dian Sary Gusra, berkata pensyarah perlu mengurangkan pendekatan membaca ketika mengajar supaya mengelak pelajar bosan.

“Pensyarah perlu lebih kreatif supaya pelajar faham objektif pembelajaran sebenar, selain dapat menumpukan kepada subjek yang dilihat memberi impak tinggi. Kerajaan juga disaran memansuhkan subjek sampingan yang tidak memberi impak tinggi terhadap sesuatu bidang supaya pelajar lebih mudah fokus dalam bidang diceburi,” katanya.



“**Pihak IPT perlu mula merancang strategi selepas pelan ini dilancarkan supaya graduan yang dilahirkan boleh memberi input kepada negara**”

Omar Osman,
Naib Canselor USM